

WOW!

**TANGGAL 27 SEPTEMBER
2015 WSM SUDAH BERUMUR
3 TAHUN**

Projek—Projek 2016

- SK Pandamaran Jaya Klang
- SM Tahfiz Harapan
- Yayasan Amal Malaysia
- Hospital Serdang
- Hospital Sultanah Aminah
- Sekolah Rendah Is-

**Sumbangan Terbesar dari
Pewakaf**

1. Mohd Asri Bin Ibrahim
2. Zoyah Bt Puteh
3. Zuraidah Abdul Rahman
4. Rokiah Bt Wan Ab Kadir
5. Fatimah Norlinah Bt Mohd Yunus
6. Siti Juliana Bt Sheikh Luji
7. Haji Ismett Azyze Bin Hamad Abbdul Azyze
8. Afizah Bt Hashim



Buletin Wakaf

Julai - Disember 2015

PERBADANAN WAKAF SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



Majlis Penyerahan di Hospital Kajang

Kajang, Rabu 28 Okt 2015: Wakaf Selangor Muamalat memberi sumbangan beberapa peralatan perubatan kepada Hospital Kajang, Selangor. Dr Kuldip Kaur A/P Prem Singh, Pengarah Hospital Kajang telah menerima sumbangan tersebut daripada Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat.

Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat (WSM) telah bersetuju untuk menyumbangkan beberapa peralatan perubatan yang keseluruhannya berjumlah RM68,635 kepada Hospital Kajang, Selangor. Peralatan yang disumbangkan termasuk drip stand, oxygen concentrator, syringe pump, dan mesin pro-

fessional powerheart. Peralatan ini diberi berdasarkan keperluan mendesak oleh pihak Hospital untuk menampung bilangan pesakit yang ramai. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad berkata. "Wakaf Selangor Muamalat berharap projek sumbangan ini dapat membantu dalam memberi keselesaan, meningkatkan kualiti perkhidmatan serta menjaga kebajikan pesakit. Selain itu, sumbangan ini diharap dapat memupuk semangat kerjasama di antara Wakaf Selangor Muamalat dengan agensi kerajaan selain dapat memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai perkhidmatan penjagaan kesihatan".



KUTIPAN DANA

Dari Julai—December 2015

RM 2,241,020.42

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

(Surah Ali 'Imran: 92)

Buletin Wakaf



Kuala Kubu Bharu, Selasa 22 Sep : Wakaf Selangor Muamalat memberi sumbangan sebuah van ambulans kepada Rumah Ehsan Warga Emas, Kuala Kubu Bharu. Puan Hajah Mariani Mohammed Saad, Pengetua Rumah Ehsan menerima sumbangan tersebut daripada Y.Bhg. Dato' Hj Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat. Y.Bhg. Dato' Hattan juga turut serta menjayakan program tersebut.



Alor Setar, Isnin 23 Nov : Wakaf Selangor Muamalat menyumbang sebuah van kepada Sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar. Majlis sumbangan ini diadakan di perkarangan Sekolah Menengah Sains Tahfiz (SEMESTI) Alor Setar, Alor Setar, Kedah. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abd Rahman Arshad, Pengerusi Wakaf Selangor Muamalat telah menyerahkan sendiri sumbangan tersebut kepada Pengetua SEMESTI Alor Setar, Ustaz Mohd Idris bin Mahmud.



Hubungi Kami :

03-2698 8787

Che Mazlan Che Yusoff (1215)

Wan Nuraihan Ab Shatar (1267)

Nurshakila Sefor Rahman (1154)

Atau email ke : wakafgroup@muamalat.com.my

Untuk sebarang pertanyaan

